

# Sambutan Maulidur Rasul 1433H/2012M

Siti faridah Mohd. Amin

Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Universiti Malaysia Sabah 1433H/2012M telah diadakan pada 15 Februari 2012 bertempat di Dataran Dewan Canselor UMS. Sambutan Maulidur Rasul Peringkat UMS pada tahun ini bertemakan "Persefahaman Asas Perpaduan Ummah".

Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan sekali lagi pada tahun 2012, turut serta dalam program ini dengan berbaju melayu biru. Pihak SSMP telah memilih hadith daripada Abdullah Bin Ahmad dan Tabrani "(Bersatu) Berada dalam Jemaah itu Rahmat, dan Perpecahan itu adalah Kesengsaraan". Rombongan SSMP diketuai oleh Dekan SSMP iaitu Prof. Madya Dr. Sharifudin Md Shaarani dan diperkuatkan dengan sokongan lebih 30 orang kakitangan SSMP termasuk kakitangan bukan beragama Islam. Semua kakitangan SSMP berkumpul seawal jam 7 pagi disusuli dengan majlis perarakan masuk ke Dewan Canselor. Sambutan pada tahun ini telah dikendalikan oleh Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam Masjid (UHEIM) UMS.



Kakitangan SSMP bergotong-royong menyediakan sepaduk



Kakitangan SSMP segak berbaju biru dengan diketuai oleh Dekan SSMP

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bagi mengimarahkan lagi sambutan pada kali ini. Antaranya, pertandingan penulisan kreatif dan ihtifal, musabaqah al-Quran serta pertandingan nasyid. Kemuncak acara sambutan ini telah diserikan lagi dengan persembahan istimewa daripada bekas vokalis Raihan, Ustaz Nazrey Johari. Majlis perasmian dan penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Arpon.



Dekan menerima cenderahati penyertaan daripada Mantan Naib Canselor UMS